

Kesan Rekabentuk Parametrik dalam Pengoptimuman Prestasi Turbin Angin Berpaksi Menegak: Satu Ulasan

(Effect of Parametric Design in the Performance Optimization of Vertical Axis Wind Turbine: A Review)

Muhamad Fadhli Ramlee^a, Noorliyana Ramlee^b & Ahmad Fazlizan*

^aInstitut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI), Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

^bJabatan Senibina Landskap, Fakulti Senibina dan Ekistik, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

*Corresponding author: a.fazlizan@ukm.edu.my

Received 19 July 2022, Received in revised form 6 March 2023

Accepted 6 April 2023, Available online 30 September 2023

ABSTRACT

Wind energy is one of the renewable energy resources that is gaining attention from industry players and researchers. In the last few years, there is an increasing interest in small-scale wind turbines as a power generator in built environments as the urgency to reduce carbon footprint in urban areas increases as well as reducing adverse effects of fossil fuels on human health and the environment. Generally, wind turbines can be categorized into two categories which are horizontal axis wind turbines (HAWTs) and vertical axis wind turbines (VAWTs). VAWTs have good potentials to be developed considering their suitability to be used in complex wind conditions associated with built environments. However, the number of research, publications, as well as basic understanding of flow phenomena associated to the performance of VAWTs such as dynamic stall, flow separation, flow curvature effect and blade-wake interaction are scarce. These flow phenomena are attributed by operational and geometrical parameters that significantly affect the overall performance of VAWTs that includes turbine power generation and aerodynamic characteristics. This paper provides a review and discussion of the effects of various design parameters such as blade profile, blade pitch angle and turbine solidity on the performance of VAWTs and serves as a basic guideline to the designer in designing an ideal VAWT.

Keywords: Optimization; design parameter; vertical axis wind turbine; wind energy; renewable energy

ABSTRAK

Tenaga angin merupakan salah satu sumber tenaga keterbaharuan yang semakin mendapat perhatian dalam kalangan pemain industri dan penyelidik. Permintaan terhadap turbin angin berskala kecil sebagai penjana kuasa di persekitaran terbina meningkat sejak beberapa tahun ini disebabkan oleh desakan dalam mengurangkan jejak karbon di kawasan bandar sekaligus mengurangkan kesan buruk penggunaan bahan api fosil terhadap kesihatan manusia dan alam sekitar. Secara amnya, turbin angin boleh dikategorikan kepada dua jenis iaitu turbin angin paksi melintang (HAWT) dan turbin angin paksi menegak (VAWT). VAWT mempunyai potensi yang besar untuk dibangunkan memandangkan kesesuaiannya dengan dengan keadaan angin kompleks di persekitaran terbina. Walau bagaimanapun, masih terdapat kekurangan dari segi bilangan penyelidikan dan penerbitan serta kepongkapan dalam kefahaman asas terhadap pelbagai fenomena aliran yang berkaitan dengan prestasi VAWT seperti pegun dinamik, pemisahan aliran, kesan lengkung aliran dan interaksi antara bilah. Fenomena aliran ini dipengaruhi oleh pelbagai parameter operasi dan reka bentuk turbin yang memberi kesan terhadap prestasi VAWT secara keseluruhan meliputi penghasilan kuasa dan sifat aerodinamik turbin. Kertas ini memberikan ulasan dan perbincangan terhadap kesan pelbagai parameter reka bentuk VAWT seperti profil bilah, sudut anggul bilah dan kepaduan turbin terhadap prestasi VAWT di samping menjadi panduan asas kepada para pereka dalam menghasilkan reka bentuk VAWT yang ideal.

Kata kunci: Pengoptimuman; parameter reka bentuk; turbin angin paksi menegak; tenaga angin; tenaga keterbaharuan

PENGENALAN

Sejak beberapa tahun yang lalu, fokus terhadap penggunaan tenaga keterbaharuan meningkat dengan mendadak akibat daripada peningkatan kesan buruk pencemaran terhadap alam sekitar dan kesihatan awam, kenaikan permintaan tenaga dan kekurangan sumber bahan api fosil yang semakin kritikal. Hal ini turut disokong oleh pelbagai kajian dan usahasama yang dijalankan, baik di peringkat global mahupun setempat bagi mengurangkan impak buruk pembakaran bahan api fosil. Pelbagai sumber tenaga keterbaharuan, seperti tenaga suria, angin, ombak dan biojisim mula diterokai sebagai sumber tenaga alternatif bagi menggantikan penjaanaan tenaga secara konvensional melalui pembakaran arang batu, gas asli dan petroleum yang diketahui mendatangkan kemudaratatan yang besar terutamanya terhadap alam sekitar dan manusia. Dalam

kalangan sumber tenaga keterbaharuan ini, tenaga angin diketahui mampu menjana tenaga elektrik pada kos yang berpatutan (Caglayan et al. 2019). Justeru, pelbagai usaha dan kajian yang mendalam telah dijalankan untuk menambah baik teknologi penghasilan tenaga elektrik melalui tenaga angin.

Minat terhadap bidang tenaga angin yang semakin meningkat ini boleh dibuktikan melalui pelbagai kajian yang dijalankan oleh pelbagai pihak bagi menaikkan imej bidang tenaga ini sebagai tenaga alternatif yang berpotensi besar untuk dibangunkan. Pelbagai artikel ilmiah meliputi kertas penyelidikan dan kertas ulasan berkaitan tenaga angin telah diterbitkan bagi membantu para penyelidik memahami dengan lebih mendalam aspek-aspek penting kajian bidang tenaga ini. Jadual 1 menyenaraikan beberapa kertas ulasan dan artikel ilmiah yang dijadikan rujukan dalam kajian ulasan ini.

JADUAL 1. Senarai beberapa kertas ulasan dan kertas penyelidikan berkaitan bidang tenaga angin

Topik	Penyelidik
Turbin angin paksi melintang (HAWT)	Chen et al. (2021), O'Brien et al. (2017), Bai dan Wang (2016), Bavanish dan Thyagarajan (2013).
Turbin angin paksi menegak (VAWT)	Karmakar dan Chattopadhyay (2022), Zhao et al. (2022), Möllerström et al. (2019), Liu et al. (2019), Wong et al. (2017), Al-Kayiem et al. (2016), Chen et al. (2015), Tjiu et al. (2015)
Ladang angin/keracak turbin	Zhao et al. (2021), Kan et al. (2020), Haces-Fernandez et al. (2019), Zergane et al. (2018), Göçmen et al. (2016), Shaheen dan Abdallah (2016), Shakoor et al. (2016).
Turbin angin berskala kecil untuk kegunaan bandaran/domestik	KC et al. (2019), Kumar et al. (2018), Tummala et al. (2016), Shonhiwa dan Makaka (2016), Karthikeyan et al. (2015)
Operasi, kawalan dan penyelenggaraan turbin angin	Fernández-Guillamón et al. (2019), De Azevedo et al. (2016), Njiri dan Söffker (2016), Rahman et al. (2015), Hossain dan Ali (2015)
Aerodinamik turbin angin	Thé dan Yu (2017), Bedon et al. (2014)
Kaedah penilaian prestasi VAWT	Ghasemian et al. (2017), Balduzzi et al. (2016), Jin et al. (2014), Miller et al. (2013), Islam et al. (2008)
Tenaga angin	Zhao et al. (2022), Liu et al. (2020), Murthy dan Rahi (2017), Kumar et al. (2016), Han et al. (2016)

JENIS-JENIS TURBIN ANGIN


Turbin angin merupakan alatan utama yang digunakan untuk menukarkan tenaga kinetik angin kepada tenaga elektrik. Secara umumnya, terdapat dua kategori utama dalam pembahagian turbin angin iaitu berdasarkan paksi putaran bilahnya: turbin angin paksi melintang (HAWT) dan turbin angin paksi menegak (VAWT) (Goldstein, 2015). Perbezaan utama antara dua jenis turbin ini adalah pada paksi putaran rotor. Paksi putaran rotor HAWT adalah selari dengan permukaan bumi manakala paksi putaran rotor VAWT pula adalah serenjang dengan permukaan bumi. Dalam kategori VAWT, terdapat beberapa lagi pecahan turbin angin berdasarkan mekanisma penghasilan daya yang memutarakan bilah turbin tersebut iaitu VAWT

jenis *Savonius*, *Darrieus* dan Hibrid *Savonius-Darrieus*, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Perincian tentang setiap jenis turbin angin, sifat dan prinsip operasinya akan diterangkan dengan lebih terperinci dalam bahagian yang seterusnya.


Seperti yang telah dinyatakan, turbin angin boleh dikategorikan kepada dua kumpulan utama, berdasarkan paksi putaran bilahnya iaitu HAWT dan VAWT. Untuk konfigurasi HAWT, rotor berada di atas menara dengan bilahnya dipasang menghadap arah aliran angin mendatang, manakala untuk VAWT pula, rotor dipasang secara menegak sekaligus memberikan kestabilan yang tinggi semasa turbin beroperasi di samping memudahkan proses penyelenggaraan turbin. Rajah 2 menunjukkan perbezaan terhadap struktur asas HAWT dan VAWT.

Berbeda dengan operasi VAWT yang tidak bergantung kepada arah angin, operasi HAWT sangat bergantung kepada arah dan kelajuan angin (Zhao et al. 2022). Oleh yang demikian, struktur HAWT moden dibina dengan beberapa bantuan kawalan pasif seperti kawalan penjajaran rotor dengan arah angin (Das Karmakar & Chattopadhyay, 2022). Hal ini menyebabkan menara terpaksa menanggung beban tambahan. Pemasangan HAWT berskala kecil di persekitaran terbuka pula menghadapi pelbagai kesukaran disebabkan oleh kelajuan dan arah angin yang berubah-

ubah serta keadaan angin yang kompleks dan bergelora yang dipengaruhi oleh geometri bangunan dan topografi kawasan (Sunderland et al. 2013). Keadaan rupa bumi ini akan menghasilkan ricih angin yang boleh memberi kesan ketara terhadap tahap penghasilan gelora dan pengeluaran tenaga keseluruhan turbin (Hedevang, 2014). Gelora angin bukan sahaja akan memberi kesan terhadap prestasi kuasa HAWT malah turut memberi kesan terhadap jangka hayat turbin (Dimitrov et al. 2015).



RAJAH 1. Jenis-jenis turbin angin



RAJAH 2. Perbezaan di antara HAWT dan VAWT

Perbezaan utama yang boleh diperhatikan di antara HAWT dan VAWT adalah pada struktur asas kedua-dua turbin. Setiap konfigurasi mempunyai kelebihan dan kekurangannya yang tersendiri. HAWT lebih tertumpu kepada penjanaaan angin berskala besar. Namun, untuk

penjanaaan tenaga berskala kecil terutamanya di kawasan angin berkelajuan rendah dan bergelora seperti di kawasan bandar, VAWT mempunyai lebih banyak kelebihan berbanding HAWT. Kelebihan utamanya adalah sistem penjananya yang berada pada aras bumi, sekaligus

memudahkan proses pengangkutan, pemasangan dan penyelenggaraan. Namun, aci pemacunya yang panjang menyebabkan turbin ini mengalami kesukaran untuk memulakan putaran. Hal ini kerana berat berlebihan pada aci pemacunya yang menyebabkan kelajuan angin rendah tidak mampu memutarakan rotor, berbanding HAWT yang mempunyai aci pemacu yang lebih pendek, seterusnya memudahkan rotor untuk mula berputar.

Selain itu, VAWT mempunyai beberapa kelebihan utama yang lain seperti kemampuan untuk beroperasi di kawasan angin berkelajuan rendah dan berkeadaan kompleks, kelajuan *cut-in* yang rendah untuk memulakan operasi, dan kos penyelenggaraan yang rendah. Dengan kelebihan-kelebihan yang dinyatakanmarinic ini, VAWT mempunyai potensi yang besar sebagai teknologi utama penjana tenaga angin di kawasan bandar. Jadual 2 memberikan perbandingan dengan lebih jelas terhadap perbezaan di antara HAWT dan VAWT.

JADUAL 2. Kelebihan dan kekurangan HAWT dan VAWT

Kriteria	HAWT		VAWT	
	Kelebihan	Kekurangan	Kelebihan	Kekurangan
Prestasi keseluruhan	Kecekapan tinggi	Memerlukan angin laju untuk beroperasi	Boleh beroperasi pada kelajuan angin rendah	Kecekapan rendah
	Kemampuan mula diri tinggi	Tidak sesuai untuk kawasan bandar	Sesuai dipasang di kawasan bandar	Kemampuan mula diri rendah
	Beban aerodinamik yang tetap	Gangguan bunyi yang tinggi	Gangguan bunyi yang rendah	Menghadapi masalah pegun dinamik
Mekanisma tambahan		Gegaran yang tinggi	Gegaran yang rendah	
		Memerlukan mekanisma rewang	Tidak memerlukan mekanisma rewang	
Bilah	Mampu menghasilkan daya lebih banyak	Kos penghasilan, pemasangan, dan selenggara yang tinggi	Kos penghasilan, pemasangan, dan selenggara yang rendah	
		Bentuk yang kompleks dan besar	Bentuk yang ringkas dan lebih kecil	Menghasilkan daya lebih rendah
Struktur keseluruhan	Aci pacu pendek, memudahkan turbin untuk mulakan operasi	Kos penghasilan, pemasangan, dan selenggara yang tinggi	Kos penghasilan, pemasangan, dan selenggara yang rendah	
		Komponen penting pada kedudukan yang tinggi	Komponen penting pada kedudukan yang rendah	Aci pacu panjang, menyukarkan turbin untuk mulakan operasi
		Sukar untuk dicapai	Mudah untuk dicapai	
		Kos pemasangan dan selenggara yang tinggi	Kos pemasangan dan selenggara yang rendah	

TURBIN ANGIN PAKSI MENEGAK

VAWT mempunyai pelbagai kelebihan berbanding HAWT sebagai penjana tenaga bersih berskala kecil di kawasan bandar kerana kesesuaian operasinya dengan keadaan angin di kawasan tersebut. VAWT boleh dibahagikan lagi kepada beberapa kategori, berdasarkan prinsip operasi VAWT yang menggunakan daya seret (Savonius) atau daya angkat (Darrieus), seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3. VAWT jenis *Darrieus* pula mempunyai pelbagai reka bentuk bilah seperti bilah lurus, bilah lengkung dan bilah heliks. Setiap reka bentuk bilah mempunyai fungsi yang berbeza bergantung kepada keadaan operasi turbin angin tersebut. Namun, *Darrieus* VAWT berbilah lurus lebih digemari kerana kos penghasilan dan penyelenggaraan bilah yang

lebih rendah berbanding bilah lengkung dan heliks tetapi *Darrieus* VAWT dengan bilah heliks mampu menjana daya angkat yang lebih tinggi seterusnya mempunyai prestasi kuasa turbin yang lebih baik (Marinić-Kragić et al. 2019)


KESAN PARAMETER REKA BENTUK VAWT

PROFIL BILAH

Antara parameter reka bentuk yang boleh membantu meningkatkan prestasi turbin angin adalah penggunaan bilah yang bertepatan dengan keadaan operasi turbin kerana bilah merupakan antara komponen terpenting untuk

sebuah VAWT. Hal ini kerana jumlah daya yang dihasilkan pada bilah semasa operasi akan menentukan prestasi kuasa turbin tersebut secara keseluruhan. Oleh itu, penggunaan bilah yang bersesuaian sangat dititik beratkan dalam usaha untuk menghasilkan reka bentuk VAWT yang ideal, sama ada untuk meningkatkan keupayaan penghasilan

tenaga ke tahap maksimum mahupun untuk mengurangkan kos keseluruhan VAWT. Penggunaan bilah lurus lebih digemari kerana kos pembuatannya yang rendah dan struktur bilah yang lebih ringkas berbanding bilah lengkung dan bilah heliks. Pemilihan keratan bilah yang sesuai juga adalah penting dalam menentukan jumlah daya yang mampu dihasilkan pada bilah tersebut.



RAJAH 3. Jenis-jenis VAWT dan prinsip operasi (a) Savonius dan (b) Darrieus (Islam et al. 2008)


Penggunaan bilah terkamber (cambered blade) mempunyai beberapa kelebihan terhadap prestasi VAWT berbanding bilah simetri. Berdasarkan definisi, kamber merujuk kepada pembahagian asimetri di antara permukaan atas dan bawah bilah. Rajah 4 menunjukkan perbezaan bentuk di antara bilah terkamber dan bilah simetri.

Antara kelebihan penggunaan keratan bilah terkamber ini adalah dapat meningkatkan kemampuan mula diri VAWT pada keadaan nisbah laju hujung, λ yang rendah serta dapat meningkatkan prestasi kuasa VAWT. Seawal tahun 80-an lagi, pelbagai kajian telah dijalankan sama ada melalui kaedah eksperimen mahupun kaedah berangka untuk membuktikan pernyataan ini. Antaranya kajian awal yang dijalankan adalah oleh (Baker (1983) dan (Kirke,

1998). Dalam kajian tersebut, mereka mengesahkan bahawa penggunaan bilah terkamber memberikan impak yang besar terhadap prestasi turbin di kawasan hulu turbin, kawasan di mana tenaga yang dihasilkan oleh turbin adalah maksimum. Mereka turut menyatakan bahawa bilah terkamber mampu meningkatkan kemampuan mula diri turbin kerana kesan kamber pada bilah menjadikan turbin dapat beroperasi dengan lebih baik pada λ yang rendah. Hasil ini turut disokong oleh Claessens (2006) dalam kajiannya terhadap kesan bilah terkamber pada prestasi turbin. Apabila kamber bilah ditingkatkan dari 0% kepada 0.5% dan 0.8%, berlaku peningkatan ketara terhadap C_p maksimum yang dihasilkan oleh turbin. Sengupta et al. (2019) pula menjalankan perbandingan terhadap dua bilah

terkamber jenis S815 dan EN0005 dalam keadaan turbin berkepaduan tinggi dan angin berkelajuan rendah dengan menggunakan simulasi CFD 2D. Hasil kajian mereka selari dengan pendapat bahawa bilah terkamber mampu meningkatkan kemampuan mula diri VAWT melalui peningkatan penghasilan pekali tork, C_p . Kajian berkaitan kesan kamber pada bilah turut dikaji oleh Qamar dan Janajreh (2017) dengan menggunakan simulasi CFD dalam

keadaan angin kompleks, tidak tetap, dan bergelora. Hasil simulasi menunjukkan bahawa VAWT dengan bilah terkamber mampu mencapai C_p yang lebih tinggi pada keadaan λ rendah berbanding bilah simetri, seterusnya menjadikan turbin tersebut mampu menangani masalah keadaan angin berkelajuan rendah seperti kemampuan mula diri turbin dan penghasilan tork yang konsisten.



RAJAH 4. Profil bilah asimetri dan simetri

Pelbagai kajian juga turut dijalankan bagi mencari profil bilah yang dapat meningkatkan prestasi VAWT. Antaranya, Mohamed (2015) menjalankan kajian penilaian terhadap 25 jenis bilah. Kajian ini dijalankan dengan objektif untuk mengkaji kesesuaian penggunaan bilah dari 25 jenis ini kerana kebanyakan bilah yang dikaji ini kerap digunakan untuk HAWT, sebaliknya sangat jarang atau tidak pernah digunakan untuk VAWT. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa bilah LS (1)-0413 berupaya meningkatkan C_p sebanyak 10% berbanding bilah NACA 0018 yang kerap dipasang pada VAWT. Hal ini disumbangkan oleh kemampuan bilah tersebut dalam melewati berlakunya pegun atau pemisahan aliran pada bilah yang merupakan fenomena aliran utama yang mempengaruhi prestasi turbin angin. Hasil kajian juga menunjukkan bilah NACA 63-415 mempunyai julat operasi yang lebih besar berbanding bilah lain. Lositaño dan Danao (2019) pula menjalankan kajian terhadap prestasi turbin angin jenis *H-Darrieus* VAWT berkuasa 5kW dan dilengkapi dengan bilah NACA0025 terkamber dengan pinggir depan tuberkel (tubercle leading edge, TLE). Kajian dijalankan dengan menggunakan simulasi CFD 3D berfideliti tinggi. Hasil simulasi menunjukkan bilah terkamber TLE mampu menambah baik prestasi bilah terkamber tanpa TLE melalui peningkatan penghasilan daya angkat pada bilah seterusnya dapat mengurangkan kesan pemisahan aliran yang boleh menjejaskan prestasi bilah.

SUDUT ANGGUL


Sudut anggul (pitch angle), β memainkan peranan yang besar dalam menentukan sifat aerodinamik sesebuah

VAWT dan menjadi antara parameter reka bentuk penting dalam mengoptimumkan prestasi VAWT. Hal ini kerana sebarang perubahan yang ingin dilakukan pada parameter ini adalah mudah untuk dilaksanakan pada turbin tanpa memerlukan kos yang tinggi berbanding parameter yang lain seperti mengubah nisbah aspek turbin atau bentuk bilah. Secara umumnya, mengubah sudut anggul akan mengubah julat sudut serang (angle of attack), α yang dialami oleh bilah sepanjang tempoh putaran turbin. Penetapan sudut anggul pada bilah boleh dibuat melalui tiga cara: (i) dengan sudut anggul positif, (ii) dengan sudut anggul sifar dan (iii) dengan sudut anggul negatif. Gambaran sudut anggul bilah bagi ketiga-tiga keadaan boleh dilihat dalam Rajah 5. Sudut anggul bilah sama ada dengan sudut positif atau negatif akan memberi pengaruh terhadap prestasi VAWT. Misalnya, sudut anggul positif akan mengurangkan julat sudut serang, α yang dialami oleh bilah pada bahagian hulu turbin, tetapi akan meningkatkan julat sudut serang, α pada bahagian hilir (Rezaeiha et al. 2017)

Kesan sudut anggul terhadap prestasi VAWT telah dikaji oleh beberapa penyelidik (Rezaeiha et al. 2017; Jain & Abhishek, 2016; Paraschivoiu et al. 2009) dengan menggunakan pelbagai kaedah sama ada secara eksperimen mahupun berangka. Sebagai contoh, antara kajian awal mengenai kesan sudut anggul bilah terhadap prestasi VAWT berbilah lurus telah dijalankan (Paraschivoiu et al. 2009; Paraschivoiu, 2002) dengan menggunakan kaedah aliran tiub berkembar berganda (DMST). Berdasarkan kajian tersebut, sudut anggul yang optimum mampu menambah baik prestasi turbin selain mampu meningkatkan penghasilan tenaga tahunan sebanyak 30%. Namun, ketepatan hasil yang rendah oleh model berfideliti rendah

melalui kaedah momentum elemen bilah (BEM) dalam meramal fenomena aliran aerodinamik VAWT telah ditekankan oleh Ferreira et al. (2014). Ferreira dan Scheurich (2014) pula menggunakan model berfideliti sederhana iaitu model panel 2D dan model pengangkut kepusingan 3D untuk mengkaji kesan sudut anggul tetap. Kajian yang dijalankan melibatkan sudut anggul -3° , 0° dan $+3^\circ$ dan hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa perubahan yang berlaku terhadap penghasilan beban seketika dan daya putaran di kawasan hulu dan hiliran

turbin adalah tidak ketara untuk tetapan sudut anggul yang dikaji. Rezaei et al. (2017) pula menggunakan kaedah simulasi CFD berfideliti tinggi untuk mengkaji kesan sudut anggul pada julat -7° hingga $+3^\circ$ dan hasil kajian menunjukkan terdapat peningkatan dalam penghasilan C_p sebanyak 6.6% dengan menggunakan sudut anggul -2° pada $\lambda = 4$. Kajian berkaitan kesan sudut anggul turut dijalankan oleh Yang et al. (2018), Sumantraa et al. (2014), Zhang et al. (2014) dan Chen dan Kuo (2013) dengan menggunakan simulasi CFD



RAJAH 5. Sudut anggul bilah, β

Selain daripada menggunakan kaedah berangka, kesan sudut anggul turut dikaji dengan menggunakan kaedah eksperimen. Klimas dan Worstell (1981) merupakan antara penyelidik terawal yang menjalankan eksperimen terhadap kesan sudut anggul bilah. Mereka menjalankan kajian terhadap sudut anggul -7° , -4° , -2° , -0.5° , $+1^\circ$ dan $+3^\circ$ untuk Darrieus VAWT berdiameter 5 m di kawasan lapangan. Mereka dapati bahawa sudut anggul -2° merupakan sudut anggul optimum berbanding sudut anggul yang lain. Kesan sudut anggul -7.8° , -3.9° , 0° , $+3.9^\circ$ dan $+7.8^\circ$ terhadap C_p turut dikaji oleh Fiedler & Tullis (2009) dengan menggunakan kaedah terowong angin. Kajian tersebut merumuskan bahawa sudut anggul negatif mampu memberikan prestasi turbin yang optimal. Kajian eksperimen yang lain berkaitan sudut anggul turut dijalankan oleh Guo et al. (2019) yang menggunakan kaedah terowong angin untuk mengkaji kesan paksi anggul condong bilah terhadap prestasi keseluruhan turbin. Bilah dengan paksi anggul condong dipasang pada VAWT dan diuji dalam terowong angin dengan kelajuan angin yang rendah. Hasil eksperimen menunjukkan bahawa berlaku pengurangan C_p sebanyak 62.5% dan 59% pada kedudukan paksi bilah condong 2° dan 13° berbanding kecondongan optimum paksi bilah iaitu pada 8° .

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang dibentangkan, sama ada yang dijalankan menggunakan kaedah berangka mahupun kaedah eksperimen, menunjukkan bahawa perubahan pada sudut anggul bilah memberikan kesan terhadap prestasi VAWT bergantung kepada keadaan operasi turbin.

KEPADUAN


Kepaduan turbin memberi pengaruh yang ketara bukan sahaja terhadap penghasilan maksimum C_p malahan juga terhadap λ di mana turbin mencapai nilai maksimum C_p tersebut. Kepaduan turbin boleh didefinisikan sebagai nisbah luas bilah dengan luas sapuan, berdasarkan persamaan (1) berikut :

$$\sigma = Nc/D \quad (1)$$

di mana N adalah bilangan bilah, c adalah panjang rentas bilah dan D adalah diameter rotor. Merujuk kepada persamaan di atas, mengubah mana-mana di antara

ketiga-tiga parameter tersebut, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6, akan mengubah nilai kepaduan yang seterusnya memberi kesan terhadap prestasi turbin. Menentukan kepaduan turbin yang optimum adalah suatu tugas yang memerlukan pertimbangan yang tepat. Hal ini kerana turbin berkepaduan tinggi mencapai C_p maksimum pada λ lebih rendah berbanding turbin berkepaduan rendah. Hal ini bermaksud turbin tersebut mampu menghasilkan jumlah tenaga yang tinggi pada keadaan operasi λ yang rendah dan mempunyai kemampuan mula diri yang baik. Namun, kecekapan turbin tersebut menurun dengan mendadak selepas mencapai C_p maksimum, menghasilkan lengkung prestasi yang lebih tajam dan julat operasi yang lebih kecil. Dalam pada itu,

turbin berkepaduan rendah pula mencapai C_p maksimum lebih lewat, bermaksud turbin tersebut beroperasi dengan baik dan menjana tenaga lebih banyak pada keadaan operasi λ yang tinggi. Turbin ini juga mempunyai julat operasi yang lebih besar dan lengkung prestasi yang lebih mendatar. Hal ini disokong oleh pelbagai kajian berkaitan kepaduan yang dijalankan antaranya oleh Ramlee et al. (2022), Peng et al. (2019) dan Rezaeiha et al. (2018). Rajah 7 menunjukkan dengan lebih jelas hubungkait di antara kepaduan, λ dan C_p . Justeru, reka bentuk turbin dengan kepaduan yang optimum perlulah mengambil kira keadaan operasi turbin tersebut, sama ada hendak dipasang dikawasan angin berkelajuan tinggi atau rendah.




RAJAH 6. Parameter reka bentuk yang memberi kesan terhadap kepaduan turbin angin

Pelbagai kajian berkaitan kesan kepaduan terhadap prestasi VAWT telah dikaji sebelum ini. Misalnya, Gang dan Kau (2015) menjalankan kajian terhadap kesan panjang rentas bilah dan sudut pemasangan bilah. Hasil kajian tersebut menunjukkan C_p pada kepaduan yang optimum meningkat sebanyak 15%. C_p yang dijana oleh turbin meningkat pada mulanya dan kemudian menurun apabila kepaduan meningkat. Julat operasi turut mengecil apabila kepaduan turbin meningkat. Sementara itu, kajian lain berkaitan kepaduan turut dijalankan oleh Gosselin et al. (2013) yang menunjukkan turbin beroperasi secara

optimum apabila kepaduan bersamaan 0.2. Turbin berkepaduan rendah turut digalakkan untuk H-Darrieus VAWT bagi mendapat julat operasi yang lebih besar (Rezaeiha et al. 2018). Lee dan Lim (2015) pula mengkaji kesan pelbagai parameter seperti panjang rentas bilah, sudut helikal, sudut anggul dan diameter rotor terhadap prestasi VAWT. Hasil kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa bilah dengan panjang rentas yang besar dan rotor berdiameter kecil, yang mana kedua-duanya merujuk kepada turbin yang mempunyai nilai kepaduan yang tinggi mampu meningkatkan prestasi kuasa turbin pada λ yang

rendah. Namun, turbin berkepaduan rendah menunjukkan prestasi yang lebih baik pada λ yang tinggi. Pemerhatian yang dilakukan menunjukkan kuasa dominan yang mempengaruhi bilah adalah daya angkat yang dihasilkan

pada λ yang rendah. Walau bagaimanapun, apabila λ meningkat, daya seret adalah daya dominan berbanding daya angkat yang menyebabkan berlaku perubahan pada prestasi turbin



RAJAH 7. Kesan kepaduan terhadap prestasi VAWT pada λ yang berbeza (Lee & Lim, 2015; Sabaeifard et al. 2012; Ramlee et al. 2022)

Selain itu, turbin berkepaduan tinggi mempunyai kemampuan mula diri yang lebih baik berbanding turbin berkepaduan rendah disebabkan oleh penghasilan purata pekali tork, C_T statik yang tinggi pada permulaan operasi (Mohamed 2013). Tambahan pula, konfigurasi turbin tersebut mampu mencapai C_p yang tinggi pada λ yang rendah, yang bermaksud turbin tersebut mampu beroperasi dengan kelajuan putaran yang rendah (Li et al. 2015). Hal ini boleh memberi kelebihan kepada VAWT berskala besar kerana dengan operasi kelajuan yang rendah, daya emparan berlebihan akan dapat dikurangkan. Jadual 3 merumuskan kajian-kajian terdahulu berkaitan kepaduan yang dijalankan secara berangka mahupun secara eksperimen.

LAIN-LAIN LANGKAH PENGOPTIMUMAN VAWT

Lazimnya, langkah-langkah yang dilakukan untuk mengoptimumkan prestasi VAWT lebih tertumpu kepada perubahan parameter reka bentuk termasuklah profil bilah, sudut angkul dan kepaduan seperti yang telah dibincangkan dalam bahagian sebelum ini. Namun,

terdapat juga pelbagai langkah lain yang boleh dilakukan, selain dari mengubah parameter reka bentuk, seperti penggunaan peralatan tambahan yang dipasang bersama turbin untuk menghasilkan aliran angin yang lebih tertumpu. Misalnya, Chong et al. (2013) menjalankan penyelidikan terhadap kesan penggunaan ram pandu terhadap prestasi VAWT. Mereka dapati bahawa penghasilan tork meningkat sebanyak 58% dan 39% pada $\lambda = 2.5$ dan $\lambda = 5.1$. Wong et al. (2018) pula mengkaji kesan penggunaan pemesong di bahagian hulu turbin. Hasil kajian mereka menunjukkan penggunaan pemesong dapat meningkatkan halaju angin di bahagian hulu sebanyak 25% seterusnya mampu meningkatkan lagi prestasi VAWT terutamanya di kawasan angin berkelajuan rendah. Li et al. (2018) menggunakan kaedah eksperimen untuk mengkaji kesan penggunaan pengumpul angin berbentuk kon terpenggal pada kemampuan mula diri *Darrieus* VAWT. Mereka menyimpulkan bahawa purata tork statik yang dihasilkan oleh turbin meningkat sebanyak 24.2% disebabkan oleh penggunaan pengumpul angin tersebut.

Di samping itu, terdapat juga pelbagai konsep reka bentuk baru yang diperkenalkan dalam beberapa kajian bagi meningkatkan prestasi VAWT. Xu et al. (2018)

JADUAL 3. Rumusan kajian-kajian berkaitan parameter reka bentuk yang memberi kesan terhadap kepaduan turbin angin

Tahun	Kaedah	Parameter reka bentuk yang terlibat	Objektif	Hasil kajian
Ramlee et al. (2022)	CFD 2D	Diameter rotor	Mengkaji kesan perubahan diameter rotor dengan nilai $\sigma = 0.3 - 0.7$ terhadap prestasi turbin	Menurunkan σ dari 0.7 ke 0.3 akan meningkatkan maksimum C_p sebanyak 30%. Namun, pada λ rendah, turbin $\sigma = 0.7$ mampu menjana pekali momen seketika, C_m lebih tinggi berbanding turbin $\sigma = 0.3$ seterusnya meningkatkan kemampuan mula diri turbin.
Peng et al. (2019)	Terowong angin	Panjang rentas bilah	Mengkaji kesan perubahan parameter tertentu terhadap penghasilan daya aerodinamik pada bilah	Turbin berkepaduan tinggi mempunyai kemampuan mula diri yang lebih baik dan mampu mencapai prestasi tinggi pada λ rendah
Rezaeieha et al. (2018)	CFD 2D	Bilangan bilah Panjang rentas bilah	Mengkaji kesan perubahan pada σ turbin dan bilangan bilah terhadap prestasi aerodinamik turbin	Berlaku peningkatan pada maksimum C_p sebanyak 22.5% apabila kepaduan meningkat. Nilai maksimum C_p juga bergerak ke arah λ yang rendah
Sagharichi et al. (2018)	CFD 2D	Bilangan bilah	Mencari σ yang optimum pada turbin yang mempunyai sudut angkul boleh ubah	Sudut angkul boleh ubah pada turbin berkepaduan tinggi mampu meningkatkan kemampuan mula diri turbin
Subramanian et al. (2017)	CFD 3D	Bilangan bilah	Mengkaji kesan σ dan profil bilah terhadap prestasi turbin	Turbin dengan dua bilah menjana kuasa lebih tinggi berbanding tiga bilah
Li et al. (2017)	Kaedah panel	Panjang rentas bilah	Mengkaji kesan nisbah bidang dan σ terhadap prestasi kuasa turbin	Nisbah bidang turbin mampu meningkatkan penghasilan maksimum C_p
